

MEMPERKASA UPMKB SEBAGAI HAB PENYELIDIKAN PERHUTANAN DAN PERTANIAN DALAM PETA PENDIDIKAN KEPULAUAN BORNEO



Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mula ditubuhkan sebagai kampus sementara di Semenggok, Kuching pada 10 Ogos 1974. Kini, UPMKB giat mengorak langkah meneruskan keunggulan bersama Kampus Serdang dalam memperkukuh peranannya sebagai hub penyelidikan dan pendidikan. Ikuti wawancara bersama Pengarah Kampus Bintulu, Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini dalam memimpin kecemerlangan Menara Ilmu ini bersama Wartawan Tribun Putra, Nurul Ezzaty Mohd Azhari:

1. Sebagai seorang Pengarah Kampus, apakah yang menjadi misi Prof dalam mengemudi kelancaran pentadbiran dan pendidikan UPMKB?

Mentadbir kampus UPM di Bintulu bukanlah suatu tugas yang mudah untuk digalas. Namun kekuatan kami adalah pada semangat bersatu padu dan kekitaan pada warga UPMKB, dimana semuanya menginginkan kemajuan UPMKB agar terus mansang.

Dalam mengemudi kelancaran pentadbiran dan pendidikan UPMKB, misi saya adalah untuk meningkatkan bilangan tawaran pengajian yang bersesuaian dengan keperluan negara. Selain itu, kami di UPMKB juga berhasrat untuk melaksanakan lebih banyak program berimpak tinggi kepada pembangunan masyarakat dan meneraju permodenan pertanian wilayah.

Usaha ini bukanlah mudah. Untuk itu, kita akan memberikan penekanan yang serius kepada aspek memantapkan integriti, mewujudkan pembangunan yang seimbang, memperkasakan persekitaran budaya kerja yang lebih positif dan proaktif serta sentiasa mengutamakan aspek pengurusan risiko yang efektif demi kelestarian UPMKB.

2. Apakah bidang utama yang diterajui oleh UPMKB yang menjadi kekuatan kecemerlangan kampus ini?

Pembukaan semula UPMKB sejak 2001 adalah untuk meletakkan kembali nama UPMKB di dalam peta pendidikan tinggi Sarawak. Oleh itu, strategi utama yang kita gunakan dalam mengentengahkan nama menara ilmu ini ialah 'Pertanian dan Perhutanan'.

UPMKB bermula dengan hanya tiga program diploma namun sejak 2018, pengurusan tertinggi UPM telah merancang untuk memperkasakan UPMKB agar lebih relevan dan signifikan kepada wilayah Sarawak dan Borneo. Kini, jumlah bidang pengajian yang ada di UPMKB adalah sebanyak 68 bidang.

Terdapat lima bidang utama UPMKB iaitu Pertanian, Perhutanan, Tenaga Diperbaharui, Kimia Industri dan Etnik. Bidang utama ini merupakan kelebihan dan kekuatan UPMKB yang didorong oleh keperluan industri, kerajaan Sarawak, dan rantau Borneo yang dipacu oleh pensyarah serta pegawai dalam bidang masing-masing.

3. Apakah perancangan dan perkara yang ingin dicapai oleh UPMKB pada tahun 2023?

Tahun 2022 banyak memberi kenangan manis kepada UPMKB antaranya dilantik sebagai hab penyelidikan perhutanan, mengetui projek transformasi pertanian padi di Gedong iaitu AgriHub@Gedong, kejayaan dalam penganjurkan Majlis Konvokesyen ke-46 Sidang 1 yang julung kali diadakan, dan lain-lain lagi.

Semestinya untuk tahun 2023 kami mengharapkan kecemerlangan ini dapat diteruskan dan projek-projek sedia ada berjalan lancar serta visibiliti UPMKB akan terus meningkat. Kami juga amat berharap agar kemasukan pelajar ke UPMKB akan meningkat untuk tahun 2023. Selain itu, saya juga menyeru agar warga UPMKB bersama turun padang untuk berbakti kepada masyarakat melalui perkongsian ilmu.

4. Buat julung kalinya Majlis Konvokesyen ke-46 Sidang 1 diadakan di UPMKB dan Tuanku Canselor UPM, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar UPMKB meluaskan fungsi dan peranannya lebih besar dengan mewujudkan jaringan antara universiti yang berada dalam kepulauan Borneo. Oleh itu, apakah peranan atau tindakan yang diambil menerusi titah tersebut?

Dalam usaha memantapkan jaringan antara universiti di kepulauan Borneo, UPMKB mengambil inisiatif untuk menubuhkan Konsortium Universiti Universiti Borneo (KUUB) yang melibatkan universiti-universiti antara tiga buah negara di Borneo iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei yang akan diterajui oleh UPMKB. Sebanyak 16 universiti awam dan milik kerajaan telah dikenalpasti untuk menganggotai inisiatif KUUB ini.

Hasrat penubuhan KUUB adalah sebagai salah satu usaha rangkaian kerjasama yang dapat memantapkan taraf pendidikan di kepulauan Borneo sekaligus menjadikan ketiga-tiga negara ini sebagai destinasi pengajian tinggi terulung di rantau Asia.

Cadangan penubuhan KUUB dilihat mampu memberi impak dan hasil yang lebih baik terutamanya dalam meningkatkan visibiliti, fungsi dan peranan universiti ahli sebagai sebuah destinasi pendidikan tinggi dan pusat penyelidikan bereputasi antarabangsa. Buat masa ini kami sedang merancang untuk mengadakan Bengkel Inaugural KUUB yang pertama bersama senarai universiti yang terlibat dalam masa terdekat.

5. Apakah cabaran yang dihadapi dalam memastikan institusi ini terus menjadi pilihan destinasi pendidikan?

Dalam usaha menjadi kampus universiti yang relevan dan signifikan kepada pembangunan Sarawak khasnya di rantau Borneo amnya, dan negara Malaysia, cabaran utamanya adalah

“Dalam usaha memantapkan jaringan antara universiti di kepulauan Borneo, UPMKB mengambil inisiatif untuk menubuhkan Konsortium Universiti Universiti Borneo (KUUB) yang melibatkan universiti-universiti antara tiga buah negara di Borneo iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei yang akan diterajui oleh UPMKB.”

memperlihatkan UPMKB kepada masyarakat dan komuniti, bagi menggalakkan kemasukan pelajar agar memilih UPMKB sebagai destinasi pendidikan tinggi pilihan.

Selain itu, cabaran lain juga ialah menjadi pusat rujukan komuniti dan industri dalam bidang tujahan iaitu pertanian, perhutanan, kimia industri, tenaga boleh diperbaharui dan kajian etnik. Kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan agar institusi ini menjadi pilihan destinasi pendidikan.

6. Apakah inisiatif yang dilakukan oleh UPMKB dalam menarik minat pelajar antarabangsa memilih kampus ini sebagai destinasi pendidikan?

Dalam usaha menarik minat pelajar antarabangsa, UPMKB akan mempelbagai dan meluaskan aktiviti promosi di luar negara. Didahului dengan jiran terdekat, negara Brunei Darussalam dan Indonesia.

Program peringkat antarabangsa yang terdekat pada tahun 2023 adalah IRANDAU2023: International Symposium of Social Sciences, Management, Science & Technology pada 28 Februari 2023 nanti.

Turut ditekankan adalah kemudahan kepada pelajar terutamanya penginapan pelajar antarabangsa dan makmal penyelidikan. Oleh itu, beberapa bilik penginapan pelajar telah dinaik taraf dan juga usaha menaik taraf makmal penyelidikan kini juga sedang giat dilaksanakan.

Keberadaan UPMKB di Kepulauan Borneo, secara langsung mampu menarik minat pelajar antarabangsa yang berminat mengkaji biodiversiti Borneo sebagai hutan tertua di dunia ini.

Melalui keseimbangan akademik dan aktiviti kokurikulum yang ditawarkan dalam suasana pembelajaran yang



tenang, saya percaya kami dapat menarik minat pelajar antarabangsa untuk datang menimba ilmu di sini.

7. UPMKB dilihat mampu melahirkan graduan usahawan tani. Apakah inisiatif terkini yang dilakukan di UPMKB dalam mencapai perkara tersebut seterusnya melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang?

Sebagai universiti berteraskan pertanian, UPMKB berusaha memastikan bekalan makanan industri agromakanan stabil di negara. Antara usaha yang dilakukan ialah Program Inkubasi Usahawan Tani@UPMKB yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan program ini telah pun diperkenalkan di Kampus Serdang pada 2011.

Program selama enam bulan ini bertujuan untuk melatih graduan yang berminat untuk bersedia menjadi usahawan tani malahan melahirkan usahawan baharu dalam bidang pertanian. Menerusi program ini kita menyediakan modul pertanian, pengurusan ladang secara praktikal dan bidang yang berkaitan.

Seterusnya, UPMKB juga menawarkan Program AgriClinic@UPMKB yang dilaksanakan secara dalam talian dengan membincangkan isu-isu pertanian dan Program kursus pertanian jangka pendek pada hujung minggu sebulan sekali anjuran Pusat Pertanian Putra UPMKB, berdasarkan tema yang telah ditetapkan seperti penanaman durian, pembuatan kompos, penternakan udang galah dan lain-lain lagi.

8. Akhir sekali, apakah harapan Prof. kepada warga UPM?

Saya berharap agar semua warga UPM dapat sama-sama menyokong UPMKB, kerana sesungguhnya untuk membangunkan sebuah institusi ilmu tersohor memerlukan kesabaran, kecekalan dan dedikasi semua pihak. Jelas sekali terpikul di bahu semua warga UPM dan UPMKB khasnya untuk memastikan ekosistem akademik di institusi ini berada dalam keadaan terbaik. Justeru harapan saya agar UPM (Serdang dan Bintulu) akan terus maju dan mansang ke depan, setaraf dengan institusi pengajian tinggi yang terkemuka, Insya-Allah.

